

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/2021**

=====

**GARIS PANDUAN PEMINDAHAN BAHAN MINERAL (PERMIT KHAS)
BAGI KAWASAN YANG MELIBATKAN PROJEK-PROJEK
PEMBANGUNAN DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) dan agensi-agensi teknikal berkenaan dengan Garis Panduan Pemindahan Bahan Mineral (Permit Khas) Bagi kawasan Yang Melibatkan Projek-Projek Pembangunan Di Negeri Selangor yang telah diluluskan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bertarikh 24 Mac 2021 Kertas Ringkasan MMK. No. 21/11/2021 yang telah disahkan oleh MMKN ke 12/2021 pada 31 Mac 2021.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Proses permohonan pengeluaran bahan mineral di Negeri Selangor adalah selaras dengan peruntukan Enakmen Mineral (Selangor) 2000 (selepas ini dirujuk sebagai EMS) dan Peraturan-Peraturan Mineral (Selangor) 2007.

2.2 Pada masa ini, semua permohonan pengeluaran bahan mineral yang diterima adalah melalui permohonan pajakan

melombong bagi tanah Kerajaan dan Lesen Melombong Tuan Punya bagi tanah hakmilik.

2.3 Berikutan daripada kegiatan pembangunan yang pesat di Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) juga menerima beberapa permohonan pengeluaran bahan mineral di atas tapak-tapak aktiviti pembangunan tersebut yang dijalankan. Namun bahan mineral yang dijumpai di atas tapak aktiviti pembangunan tersebut tidak dibenarkan untuk dipindahkan sehingga mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

2.4 Justeru itu, bagi mengatasi masalah kelewatan pembangunan terutama di kawasan projek perumahan dan ketirisan hasil negeri kesan daripada tiada pemantauan pemindahan bahan mineral yang teratur, PTGS telah mengemukakan Kertas Cadangan berkenaan dengan Garis Panduan Pemindahan Bahan Mineral (Permit Khas) Bagi Kawasan Yang Melibatkan Projek-Projek Pembangunan di Negeri Selangor dan telah diluluskan oleh MMKN bertarikh 24 Mac 2021 Kertas Ringkasan MMK. No. 21/11/2021 yang telah disahkan oleh MMKN ke 12/2021 pada 31 Mac 2021.

3. KAEDAH DAN PELAKSANAAN

3.1 Semua permohonan bagi tujuan pengeluaran bahan mineral hendaklah melalui Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB), sebuah anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum dipanjangkan ke PTGS;

- 3.2 Penyelarasan melalui KSSB ini akan membantu dalam mengawal ketirisan hasil Negeri melalui royalti yang dikenakan berdasarkan jumlah penghantaran bagi tujuan pengeksporan;
- 3.3 KSSB akan mengenakan Caj Perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Sahaja (RM 3.00) untuk setiap tan metrik bagi tujuan pemindahan ini dan kadar ini tidak termasuk royalti kepada Kerajaan Negeri;
- 3.4 Kadar Caj Perkhidmatan ini boleh disemak dari semasa ke semasa oleh KSSB bergantung kepada keadaan pasaran dan juga kadar royalti yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri;
- 3.5 KSSB akan menyediakan perkhidmatan permohonan bagi tujuan pemindahan, kakitangan-kakitangan dan pengawal keselamatan yang akan berada di tapak *stockpile* untuk memastikan operasi tersebut memenuhi syarat kelulusan permit serta mengeluarkan dokumen perjalanan bahan mineral iaitu Borang 13D dalam Peraturan-Peraturan Mineral (Selangor) 2007 untuk setiap muatan dengan kuantiti pemindahan sebenar dan membuat laporan berkala kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor.
- 3.6 Tempoh masa yang diberikan adalah maksimum satu (1) tahun tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri serta terpakai untuk kategori tanah hakmilik dan tanah Kerajaan;

- 3.7 Tatacara pengeluaran bahan mineral bagi permit khas ini hendaklah mematuhi semua syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh agensi teknikal yang berkenaan.
- 3.8 Pengalihan bahan mineral hendaklah menggunakan lori mengikut spesifikasi dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.
- 3.9 Setiap kawasan pengeluaran bahan mineral hendaklah menggunakan jambatan timbang (*weighbridge*) dan sistem *Smart Docket* oleh pemegang permit khas bagi merekod dan menentukan berat timbangan setiap pengeluaran.
- 3.10 Pemegang permit khas hendaklah memberikan laporan pengeluaran setiap bulan kepada Unit Mineral, PTGS.
- 3.11 Setiap lori yang keluar dari kawasan pengeluaran bahan mineral hendaklah melalui kawasan (*wash thru*) bagi mengelakkan jalan raya menjadi kotor.
- 3.12 Kawasan pengeluaran yang terlibat tidak dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pencucian bahan mineral bagi mengelakkan pencemaran.
- 3.13 Carta Alir Permohonan seperti di **Lampiran A**
- 3.14 Permit Khas seperti di **Lampiran B**
- 3.15 Borang Permohonan Permit Khas di **Lampiran C**


4. PEMBAYARAN YANG DIKENAKAN

- 4.1 Fi permohonan bagi Pajakan Melombong dan Lesen Melombong Tuan Punya sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja (RM 200.00) berdasarkan Peraturan 41(2) Peraturan-Peraturan Mineral (Selangor) 2007 dibaca bersama Bil. 1 (g) dan (h) Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Mineral (Selangor) 2007.
- 4.2 Selaras dengan Bil. (2) (g) dan (h) Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Mineral (Selangor) 2007, fi pengeluaran sebanyak Ringgit Malaysai Lima Ratus Sahaja (RM500.00) perlu dibayar bagi Pajakan Melombong untuk tanah Kerajaan dan Lesen Melombong Tuan Punya untuk Tanah Hakmilik sebelum Permit Khas dikeluarkan.
- 4.3 Selain itu, royalti yang perlu dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bil.12 Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Mineral (Selangor) 2007.
- 4.4 Berikut adalah jenis-jenis bahan mineral yang terkandung dalam Bil.12, Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Mineral (Selangor) 2007.

No.	Jenis-Jenis Mineral	Bayaran Royalti
1.	Timah	5% daripada nilai
2.	Emas	5% daripada nilai
3.	Perak	5% daripada nilai
4.	Kaolin	RM2 / tan
5.	Ilmenit	5% daripada nilai
6.	Pasir Silika	RM2 / tan
7.	Batu Arang	RM1 / tan
8.	Bauksit	5% daripada nilai
9.	Mika	RM2 / tan
10.	Barit	RM10 / tan
11.	Tembaga	5% daripada nilai
12.	Bijih Besi	5% daripada nilai
13.	Hasil sampingan timah	5% daripada nilai
14.	Lain-lain mineral	5% daripada nilai

6. **TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **tarikh ianya dikeluarkan.**


(YUSRI BIN ZAKARIAH)s.m.s.
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor
Tarikh: 1 September 2021

PERMIT KHAS
PENGELUARAN BIJIH MINERAL
()

No. Rujukan Fail :
No. Lesen :
Tarikh dikeluarkan :
Tarikh habis tempoh :
Tarikh Pengkengselan :
Nama Pemegang Lesen :
Alamat Pemegang Lesen :
Perihal kawasan :
Daerah :
Daerah Kecil :
No Syit Peta :
Penentuan Blok :
(Unit-unit RSO / unit-unit suku) :
Kawasan permulaan :

Permit khas ini membenarkan pemegangnya mengeluarkan semua mineral di dalam kawasan yang diperihalkan di atas dari tarikh pengeluaran hingga tarikh habis tempoh lesen ini, melainkan jika terlebih dahulu dibatalkan, tertakluk kepada terma atau syarat yang terkandung dalam Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan kepada syarat yang dilampirkan bersama ini.

Bertarikh :

Fi permohonan : RM 200.00 No. Resit :
Fi pengeluaran : RM 500.00 No. Resit :

.....
**Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor**

**PERMOHONAN PERMIT KHAS
BAGI PENGELUARAN BIJIH MINERAL DALAM KAWASAN PEMBANGUNAN**
[Lapan salinan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian]

BUTIR-BUTIR PEMOHON

INDIVIDU (Jika melebihi seorang individu, kemukakan butir-butir setiap individu secara berasingan sebagai Lampiran)

(a) Nama penuh : _____

(b) No. K.P./Pasport. : _____

(c) Tarikh lahir: _____ (d) Jantina : * Lelaki/Perempuan

(e) Alamat tetap : _____

(f) Alamat surat-menyurat: _____
(jika berbeza daripada atas)

(g) Warganegara: _____

(h) Pekerjaan : _____

SYARIKAT ATAU BADAN KORPORAT

(a) Nama : _____

(b) Jenis syarikat /badan korporat: _____

[Memorandum dan artikel penubuhan syarikat (jika telah diperbadankan) hendaklah dikemukakan]

(c) Tarikh dan tempat pendaftaran : _____

(d) Alamat perniagaan : _____

(e) No. telefon: _____ Faks: _____

(f) Butir-butir Pengarah yang perlu dikemukakan sebagai Lampiran.

- (1) Nama
- (2) Tarikh dan tempat lahir
- (3) Jantina
- (4) No K.P. / Pasport
- (5) Pekerjaan
- (6) Alamat kediaman

(g) Butir-butir pekongsi / pemegang saham (sekiranya perkongsian atau syarikat berdaftar) yang perlu dikemukakan sebagai Lampiran.

- (1) Nama
- (2) Peratusan pemegangan saham
- (3) Kewarganegaraan

(h) Butir-butir mengenai kepentingan perniagaan terdahulu dan sekarang yang menunjukkan kemampuan teknikal dan kewangan pemohon untuk menjalankan kerja melombong hendaklah dikemukakan sebagai Lampiran. (Syarikat asing yang baru ditubuhkan di Malaysia boleh mengemukakan butir-butir mengenai syarikat induk atau syarikat pemegangan mereka).

- (1) Jenis perniagaan
- (2) Lokasi / tempat perniagaan
- (3) Jumlah modal yang dibenarkan
- (4) Modal berbayar semasa
- (5) Penggajian mengikut kategori berikut:

- (i) Pengurusan dan penyelidikan
- (ii) Penyeliaan
- (iii) Teknikal dan pemasaran
- (iv) Lain-lain kakitangan pejabat
- (v) Buruh mahir
- (vi) Buruh tidak mahir

(6) Penyertaan ekuiti

- (i) Peratus dan nisbah penyertaan rakyat Malaysia dan asing
- (ii) Peratus ekuiti dipegang /dirizabkan untuk penyertaan Bumiputera
- (iii) Sumber dan nama penyertaan asing (nyatakan juga bentuk penyertaan asing dilaksanakan iaitu secara wang tunai, loji dan jentera, pengetahuan teknikal, dsb.)

MAKLUMAT AM

BUTIR-BUTIR TANAH BERIMILIK

- (a) Kategori guna tanah : _____
(* Pertanian / Bangunan / Industri)
- (b) No. dokumen hakmilik : _____
(Salinan daftar dokumen hakmilik yang diperaku sah hendaklah dilampirkan)
- (c) No. lot : _____
- (d) Nama pemilik berdaftar tanah : _____
- (e) Daerah : _____ (f) Mukim : _____
- (g) No. helaian peta : _____
- (h) Keluasan : _____ hektar
(Pelan menunjukkan lokasi tanah hendaklah dilampirkan)

LOGAM / MINERAL YANG DIJUMPAI

PERSETUJUAN PIHAK YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN

[Surat persetujuan daripada pemilik berdaftar tanah atas kawasan tersebut hendaklah dilampirkan oleh pemohon, sekiranya pemohon ialah selain pemegang permit khas]

KAJIAN PRA-KEBOLEHLAKSANAAN

(Semua maklumat hendaklah dikepilkan sebagai Lampiran)

- (a) Skim melombong am, termasuk :
 - (i) Kaedah melombong
 - (ii) Butir-butir jentera yang akan digunakan
 - (iii) Butir-butir kaedah perolehan dan pemprosesan dan rawatan amang
 - (iv) Pelan susun atur lombong, kuasa, bekalan air dan cadangan sumbangan infrastruktur
- (b) Anggaran rizab yang akan dikeluarkan.
- (c) Jangkaan hayat ekonomi lombong
- (d) Jangkaan tarikh mula
- (e) Jangkaan pengeluaran bijih mentah tahunan
- (f) Pelan pemulihan am
- (g) Maklumat lain yang berkaitan

AKUAN

* Saya / Kami dengan ini memohon untuk mendapatkan suatu permit khas yang dinyatakan di dalam kawasan yang dimaksudkan dan mengaku bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan * saya / kami, segala butir-butir yang diberikan di dalam permohonan ini adalah benar dan betul.

_____ Nama	_____ Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	_____ Tandatangan	_____ Tarikh
_____ Nama	_____ Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	_____ Tandatangan	_____ Tarikh
_____ Nama	_____ Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	_____ Tandatangan	_____ Tarikh
_____ Nama	_____ Jawatan & Meterai Syarikat (jika berkenaan)	_____ Tandatangan	_____ Tarikh

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

PENDAFTARAN

Permohonan diterima pada _____ *pagi / petang

Fi permohonan dibayar : RM _____ No. resit : _____

Tarikh

(Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor)

PERTIMBANGAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Tarikh diterima : _____ Tarikh dipertimbangkan :

* Adakah pemohon mempunyai kemampuan teknikal dan kewangan untuk menjalankan kerja-kerja perlombongan ? * YA / TIDAK

Syor : Permohonan disyorkan agar * DILULUSKAN / DITOLAK.

Ulasan :

Terma dan syarat yang disyor yang hendaklah dinyatakan pada lesen :

Tarikh

(Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor)

PENGELUARAN PERMIT KHAS (BIJIH TIMAH)

Sewa tanah : RM _____ Tarikh : _____ No. resit : _____
tahunan dibayar

No. Permit khas : _____

Tarikh tamat : _____

Fi pengeluaran : RM _____ No. resit : _____
dibayar

Tarikh

(Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor)

* Potong yang mana tidak berkenaan